

19/09/2003

AS restu pembunuhan, Beijing tidak tamak kuasa: PM

Mohd Azlan Jaafar; Misiah Taib

PUTRAJAYA: Tindakan Amerika Syarikat (AS) menggunakan kuasa vetonya bagi membatalkan satu resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi melindungi pemimpin Palestin, Yasser Arafat sebagai menghalalkan pembunuhan terancang pemimpin negara lain, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Israel sebelum ini sudah menyatakan kemungkinan membunuh Arafat yang dianggap penghalang kepada usaha damai Asia Barat dan penyokong kegiatan keganasan.

"Jadi bila ada veto ini, ia seperti menghalalkan pembunuhan terancang (assassination)... ini satu perkara yang menakutkan. Ini juga bermakna dalam permusuhan antara negara, pembunuhan terancang dihalalkan. Ini kita sedih," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis meraikan bekas Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik di Seri Perdana, malam tadi.

Isnin lalu AS menggunakan kuasa veto untuk mematikan draf satu resolusi di Majlis Keselamatan PBB yang bertujuan melindungi sebarang tindakan terhadap Arafat termasuk mengusirnya.

Pada undian itu, 11 anggota Majlis Keselamatan menyokong manakala Britain, Jerman dan Bulgaria bertindak berkecuali. Syria, satu-satunya negara Arab dalam Majlis Keselamatan membawa resolusi itu.

Sebelum ini, Ketua Perunding Palestin, Saeb Erekat dilaporkan berkata, tindakan AS itu sebagai 'hari hitam' bagi PBB dan undang-undang antarabangsa.

Perdana Menteri yang ditanya sama ada keputusan AS akan meningkatkan kebencian terhadap kuasa besar itu, beliau berkata: "Jika sesuatu berlaku kepada Arafat, saya berpendapat keadaan akan menjadi lebih buruk."

Sementara itu, dalam ucap-tama pada Sidang Kemuncak Kerjasama Malaysia-China 2003 di Seri Kembangan, petang semalam Dr Mahathir berkata, Asia Tenggara tidak perlu bimbang dengan kebangkitan China kerana Beijing tidak mungkin mahu peluasan kuasa dan melakukan tindakan ketenteraan.

Kecuali China diprovokasi, Perdana Menteri berkata, kebimbangan itu sebenarnya tidak bertempat kerana dalam dunia sekarang, penaklukan ketenteraan bukan saja tidak perlu, malah mahal dan tidak produktif.

"Kita tidak percaya China akan melakukan tindakan ketenteraan. Oleh itu, tiada sebab Asia Tenggara bimbangkan kekuatan ketenteraan China," katanya.

Teks ucapannya dibacakan oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak, yang mewakili beliau pada persidangan dua hari itu.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, pembentukan mekanisma seperti Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) yang dicetuskan ketika lawatan Perdana Menteri China, Li Peng, ke Kuala Lumpur pada Disember 1990, diperlukan bagi meredakan mana-mana pertelingkahan.

Beliau memberikan contoh Kesatuan Eropah (EU) adalah produk Komuniti Ekonomi Eropah (EEC) dengan kejayaannya paling ketara bukan berkaitan ekonomi, sebaliknya keamanan lebih separuh abad di benua itu.

"Dalam hubungan itu, EAEG yang dicadangkan boleh membawa keamanan di Asia Timur dan akan memberi kebaikan, bukan saja kepada rantau ini, malah dunia secara keseluruhan," katanya.

Perdana Menteri berkata, China juga tentunya sedar bahawa Asia Tenggara yang makmur dan stabil adalah baik baginya.

Katanya, walaupun perhubungan Asia Tenggara dengan China baik, usaha mewujudkan satu mekanisme untuk mengatasi sebarang percanggahan berbahaya adalah sangat penting dan penubuhan EAEG boleh menyediakan mekanisme itu.

EAEG akan membantu menangani cabaran dan membuka peluang kepada negara Asia Tenggara untuk meraih manfaat daripada kemakmuran dan kestabilan

China.

Dengan itu, bukan saja China akan menjadi pasaran besar kepada produk dan perkhidmatan Asia Tenggara tetapi pelaburan China di rantau ini juga akan bertambah.

"Setengah bilion penduduk Asia Tenggara akan menjadi pasaran besar kepada produk dan perkhidmatan China. Apa yang perlu dibimbangkan Asia Tenggara ialah sikap yang mereka ambil terhadap China.

"Jika Asia Tenggara terbabit dalam usaha mengekang China, suasana konfrontasi akan tercetus dan tumpuan terpaksa diberikan bagi menghadapi konflik. Asia Tenggara tentu akan rugi jika berlaku ketegangan," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia akan terus mengukuhkan hubungan antara kepimpinan China di semua peringkat serta meningkatkan persefahaman, kepercayaan dan mempromosikan kerjasama perdagangan, sains, teknologi, kebudayaan dan pendidikan.

Katanya, pelancaran rasmi Majlis Perniagaan Malaysia-China oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Beijing kelmarin akan menjadi saluran penting bagi peningkatan kerjasama dua hala dalam bidang perniagaan dan ekonomi kedua-dua negara.

Sementara itu, pada sidang media selepas itu, Najib yang diminta mengulas mengenai kemungkinan mewujudkan kerjasama pertahanan dengan China berkata, negara terbabit ada mengemukakan draf kerjasama berkenaan.

"Kita akan kaji dulu. Kita mengalu-alukan kerjasama pertahanan dengan China tetapi kita perlu kenal pasti bidang yang praktikal untuk dilaksanakan oleh kedua-dua negara," katanya.